

Headline	Methadone berjaya kurangkan jangkitan HIV		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	06 Oct 2011	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	8	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	97 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 534
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,602



Methadone berjaya kurangkan jangkitan HIV

KOTA BHARU- Projek perintis merawat penagih dadah tegar melalui penggunaan ubat sintetik Methadone berjaya membantu mengurangkan jangkitan virus HIV di negara ini.

Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan, Datuk Dr Hasan Abdul Rahman berkata, kesannya dapat dilihat apabila mereka mampu menikmati kualiti hidup yang lebih baik.

"Kira-kira 80 peratus daripada 20,000 penagih dadah di negara ini yang menggunakan methadone berpeluang menjalani

kehidupan dengan lebih teratur dan mampu untuk bekerja," katanya ketika ditemui di Wad Diraja Hospital Raja Perempuan Zainab (HPRZ) II di sini, semalam.

Hasan berkata, pengguna ubat sintetik boleh diambil di klinik kesihatan berdekatan.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas langkah diambil Kementerian Kesihatan bagi mengurangkan statistik jangkitan virus HIV yang mencatatkan Kelantan sebagai negeri tertinggi.

Menurutnya, masih ramai penagih di negeri ini mengamalkan tabiat mengambil bahan terlarang itu, menggunakan cara berisiko tinggi termasuk berkongsi jarum.

Sementara itu, mengulas mengenai rawatan kerja beliau ke HPRZ II, Hasan berkata, ia bertujuan memastikan kakitangan hospital berkenaan memberikan perkhidmatan terbaik kepada orang ramai.

Katanya, kunjungan ke Unit Kecemasan dan Trauma, adalah bagi melihat komitmen kakitangan bertugas mematuhi piawaian ketika bekerja.